

Melaka perkenal 'vending machine' kitar semula

Liana Sahabudin

AYER KEROH - Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) memperkenalkan Smart Reverse Vending Machine (RVM) Plus bagi menggalakan rakyat di negeri ini mengamalkan budaya kitar semula.

Exco Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana negeri, Datuk Rais Yasin berkata, lebih menarik mesin berkenaan akan memberi pulangan wang tunai kepada pengguna.

"RVM Plus ini salah satu teknologi hijau baharu yang diperkenalkan di Negeri Melaka, untuk permulaan kita akan tempatkan mesin ini di empat lokasi

tumpuan pelancong.

"Ini adalah mesin kitar semula, uniknya dengan mata (point) yang kita peroleh ia boleh ditukar kepada nilai wang ringgit.

"Pengguna hanya perlu mengimbas kod QR dari pada aplikasi yang dimuat turun dalam telefon dan masukkan barang kitar semula untuk mendapat bayaran," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mewakili Ketua Menteri Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh ke Majlis Penghargaan Asean Clean Tourist City 2024 di Dewan Taming Sari MBMB, di sini, 7 Februari lalu.

Hadir sama Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Wira Zaidi Johari; Exco Pe-

lancongan, Warisan, Seni dan Budaya negeri, Datuk Wira Abdul Razak Abdul Rahman; Exco Sains, Teknologi, Inovasi dan Komunikasi Digital negeri, Datuk Fairul Nizam Roslan; Exco Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Allex Seah Shoo Chin dan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Datuk Shadan Othman.

Mengulas lanjut, Rais berkata, Kerajaan Negeri juga akan memperkenalkan teknologi itu dengan lebih meluas ke kawasan yang lain.

"Saya yakin usaha MBMB ini akan menjadikan Melaka sebagai negeri bebas karbon dan menggalakkan rakyat membudayakan kitar semula," katanya.



RAIS pada pelancaran Smart Reverse Vending Machine (SRVM) sempena Majlis Penghargaan ASEAN Tourist City Standard (ACTC) di Dewan Taming Sari, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB). Foto Iqmal Haqim Rosman